

17 JAN 1999

GERAKAN TIDAK BERTANDING DALAM PILIHAN RAYA DI SABAH

KUALA LUMPUR, 17 Jan (Bernama) -- Gerakan tidak akan bertanding dalam pilihan raya yang akan datang di Sabah, kata Pemangku Pengerusi Gerakan Sabah Tan Sri Soong Siew Hoong hari ini.

Beliau berkata parti itu telah memberitahu komponen parti Barisan Nasional (BN), parti itu tidak akan meminta sebarang kerusi dalam pilihan raya tersebut.

Beliau berkata keputusan mengenai perkara itu telah diberitahu pada mesyuarat semalam, yang turut disertai BN Sabah yang diketuai oleh Ketua Menteri Sabah dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di sini.

Bercakap kepada pemberita, setelah berucap berkaitan "Peluang Perniagaan bagi Usahawan Industri Kecil dan Sederhana (IKS)" di sini, Soong, yang juga Bendahari Gerakan kebangsaan menyatakan parti itu bersetuju untuk membantu kempen BN di Sabah.

"Kami telah mengenal pasti 12 kawasan pilihan raya, yang mana parti itu membantu berkempen," katanya.

Cawangan parti Gerakan di Sabah telah ditubuhkan dua tahun lalu dan pada masa ini mempunyai 3,000 anggota.

BN pada masa ini memperolehi 43 kerusi dalam Dewan Undangan Negeri Sabah, manakala parti pembangkang, Parti Bersatu Sabah, mempunyai empat kerusi dan satu lagi kerusi dimenangi oleh wakil bebas.

-- BERNAMA

NY RI